

## Remaja perempuan dicekup disyaki positif dadah

September 24, 2015, Thursday



MOHD BUKHORI SAFFAI

LIMBANG: Seorang remaja wanita dicekup polis selepas disyaki positif dadah bersama seorang lelaki dalam operasi Ops Mabuk di Jalan Kubu dan Tarap di sini malam kelmarin.

Dalam operasi jam 10 malam itu suspek, 15, ditahan bersama seorang lelaki, 48, dari Kampung Kelapa Mawar yang memandu sebuah kereta jenis Toyota bernombor pendaftaran Brunei.

Ketua Polis Daerah Limbang, Suprintenden Mohd Bukhori Saffai menjelaskan operasi dijalankan sepasukan polis trafik daerah diketuai ASP Khairul Ridzuan Ahmad bersama 10 anggota.

“Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu, kita menjumpai empat keratan tiub straw lut sinar mengandungi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu seberat 0.53 gram,” katanya di sini semalam. Mohd Bukhori mendedahkan dadah itu disembunyikan di bawah tempat duduk pemandu.

“Kedua-dua suspek, barang kes dan kenderaan diserahkan kepada Bahagian Siasatan Jenayah Limbang untuk tindakan lanjut.

“Hasil pemeriksaan air kencing ke atas kedua-dua suspek juga mendapati kedua-duanya positif dadah,” katanya.

Kes terbabit disiasat di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Mohd Bukhori memberitahu, sebanyak 13 buah kenderaan diperiksa dan 13 saman dikeluarkan sepanjang operasi bermula jam 10 hingga 12.30 tengah malam.

Katanya, kebanyakan saman dikeluarkan merangkumi kesalahan lesen memandu, lampu brek, tanda P dan nombor plat kenderaan.

Antara kenderaan terlibat ialah kereta (tujuh) pacuan empat roda (tiga) dan motosikal (dua) dan sebuah van.

“Tiada kenderaan disita dan tiada tangkapan dilakukan sepanjang operasi tersebut,” katanya.